

SOALAN NO. 376

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini tiada perancangan oleh Kerajaan Persekutuan untuk mengambil alih projek LRT di Sarawak yang berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Oleh itu, SPAD tiada maklumat mengenai kos pembinaan projek LRT ini. Walaubagaimanapun, Kerajaan Persekutuan sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak dari aspek perancangan infrastruktur dan kemudahan pengangkutan awam untuk memastikan sistem pengangkutan awam yang cekap boleh disediakan di negeri Sarawak.

Kami percaya Kerajaan Negeri telah menjalankan kajian sebelum membuat keputusan untuk melaksanakan projek LRT ini.

Sekian, terima kasih.

RT29/377

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]
DARIPADA**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peratusan guru di Sarawak adalah orang Sarawak. Mengapa dikatakan sasaran untuk mencapai 90% guru tempatan di Sarawak tidak dapat dicapai.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pelaksanaan Dasar 90:10 telah menunjukkan peningkatan yang baik daripada pengisian 79 peratus guru anak Negeri Sarawak pada tahun 2016 kepada 86 peratus atau 41,287 guru anak Negeri Sarawak berkhidmat di Negeri Sarawak (data sehingga 31 Januari 2018). Kementerian Pendidikan Malaysia komited dalam memastikan Dasar 90:10 dicapai pada tahun 2018. Walau bagaimanapun, sasaran tersebut masih belum dicapai pada awal tahun 2018 berikutan kekurangan guru anak kelahiran Negeri Sarawak bagi mengisi kekosongan opsyen-opsyen seperti Fizik, Kimia, Pendidikan Islam dan Bahasa Arab.

RT29/377